

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor – faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer di sebuah sekolah swasta. Disamping itu kajian juga ingin mengenalpasti:

- (i) Tujuan pelaksanaan program literasi komputer.
- (ii) Perancangan yang dilakukan dalam pelaksanaan program literasi komputer.
- (iii) Masalah yang timbul dalam pelaksanaan program literasi komputer.
- (iv) Cara mengatasi masalah dalam pelaksanaan program literasi komputer.
- (v) Rancangan masa depan untuk program literasi komputer.

Sampel kajian ini terdiri daripada tiga orang dari pihak pengurusan syarikat, seorang pengetua dan seorang guru komputer.

Pengumpulan data bagi kajian ini dibuat dengan menggunakan soal selidik, temubual, pemerhatian dan analisis dokumen sekolah.

Hasil daripada penganalisaan data telah memberikan jawapan kepada soalan kajian iaitu:

- (i) Wujud banyak faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program literasi komputer, tetapi faktor kewangan dan perisian adalah yang lebih utama.
- (ii) Tujuan pelaksanaan program literasi komputer ialah dasar syarikat, memberi kemahiran kepada pelajar, desakan ibubapa,

menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran dan sebagai aspek publisiti.

- (iii) Wujud proses perancangan dalam pelaksanaan program literasi komputer.
- (iv) Masalah yang timbul ialah kewangan, tiada tenaga pakar, kurikulum tidak sesuai untuk pelajar menengah, peralatan tidak lengkap, beban kerja yang berlebihan kepada guru serta beberapa masalah lain.
- (v) Cara mengatasi masalah ialah menambahkan pelaburan, jawatankuasa IT ditubuhkan, kerja guru dikurangkan dan kurikulum dikaji semula.
- (vi) Rancangan masa depan ialah membina makmal baru yang lengkap dengan peralatan dan perisian.

Kajian mendapati walaupun sekolah ini baru ditubuhkan tetapi usaha dilakukan untuk melaksanakan program literasi komputer.

## **Factor Affecting The Implementation Of The Computer Literacy Program In A Private School, Shah Alam.**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify factors affecting the implementation of computer literacy programme in a private school. The study also identifies the following:

- (i) Purpose of implementing the computer literacy programme.
- (ii) Planning involved in the implementation of computer literacy programme.
- (iii) Problems arising in the implementation of computer literacy programme.
- (iv) Future plans for computer literacy programme.

The sample of the study consists of three persons; the management personnel, the principal and the computer teacher.

The data for the study were collected using a questionnaire, interviews, observations and school documents.

The findings of the study include:

- (i) Many factors affecting the implementation of computer literacy programme, but financial constraint and lack of appropriate software are the main factors impeding implementation.
- (ii) The purpose of implementation of the computer literacy programme is the company policy to equip the students with computer skills, cater to parental pressure, using computer literacy programme as a tool for school publicity and to enhance the teaching and learning process.

- (iii) The problems faced are financial constraints, lack of expertise, the curriculum of computer literacy programme not being appropriate to secondary students, the lack of equipment, and overburdening the teacher.
- (iv) To overcome the problems faced, the company increased its investment, formed an IT Committee, reduced the workload of teachers, and reviewed the computer curriculum.
- (v) Future planning includes building a new computer lab and fully equipping it with the latest hardware and software.

The study shows that although the school is fairly new, it is trying to implement the computer literacy programme.